# LAPORAN PENGURUS

## PERTENGAHAN TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 2026

AMANAH SAHAM KEDAH

*ASAS SUMBER KESEJAHTERAAN*

# Laporan Pengurus Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2026

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**dan Salam Sejahtera**

Pemegang unit Amanah Saham Kedah (ASK) yang dihormati,

Kedah Islamic Asset Management Berhad (KIAM) selaku Pengurus Tabung ASK dengan sukacitanya membentang Laporan Pertengahan Tahun dan Penyata Akaun Belum Beraudit ASK ke-32 bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2026.

## MAKLUMAT DANA

**Nama :** Amanah Saham Kedah ("Tabung ASK")

**Jenis :** Pendapatan dan Pertumbuhan Modal

**Kategori :** Tabung Ekuiti Berteraskan Syariah

**Objektif Pelaburan :** Untuk memberikan pelabur suatu peluang peningkatan modal dan pengagihan pendapatan melalui pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah pada tahap risiko yang munasabah.

**Tempoh Hayat Tabung ASK :** Dilancarkan pada 27 Februari 1995 dan akan terus beroperasi sehingga ditamatkan mengikut Fasal 25 Suratikatan ASK.

**Tanda Aras Prestasi :** Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah.

**Polisi Pengagihan Pendapatan :** Pengagihan tahunan/interim (jika ada) berdasarkan jumlah pulangan Tabung ASK.

## Pecahan Pegangan Unit ASK Pada 31 Ogos 2026

| Kedudukan Pelabur Mengikut Pegangan Unit | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Pegangan Unit** | **Pelabur** | **%** | **Unit** | **%** |
| 5,000 ke bawah | 22,400 | 90.68 | 4,495,760 | 5.28 |
| 5,001 ke 10,000 | 801 | 3.24 | 3,942,812 | 4.63 |
| 10,001 ke 50,000 | 1,292 | 5.23 | 24,655,709 | 28.98 |
| 50,001 ke 500,000 | 205 | 0.83 | 20,859,142 | 24.52 |
| 500,001 ke atas | 4 | 0.02 | 31,018,346 | 36.46 |
| Stok Pengurus | - | - | 98,231 | 0.12 |
| **Jumlah** | **24,702** | **100.00** | **85,070,000** | **100.00** |

## MAKLUMAN

### Perubahan Alamat Dan Maklumat Pelabur

Para pelabur adalah dinasihat supaya memaklumkan pihak KIAM sebarang perubahan alamat dan maklumat peribadi sama ada melalui telefon, surat atau e-mel. Bagi waris kepada pemegang unit yang telah meninggal dunia, waris adalah dinasihat supaya melaporkan kepada KIAM tentang perkara tersebut bagi membolehkan KIAM mengambil tindakan yang perlu.

### Maklumat Akaun Bank Pelabur

Pengurusan KIAM sedang dalam proses penambahbaik perkhidmatan seperti transaksi unit-unit Tabung ASK dan proses agihan pulangan pelaburan kepada para pemegang unit. Sehubungan dengan itu, para pelabur adalah dipohon untuk memberi maklumat akaun bank bagi memudahkan pihak KIAM untuk mengkreditkan terus bayaran belian balik unit ASK dan pulangan pelaburan (sekiranya ada) ke dalam akaun pemegang unit di masa hadapan.

### Perubahan Alamat Pejabat KIAM

Sila ambil maklum bahawa berkuatkuasa 1 Jun 2026, KIAM telah berpindah ke lokasi baharu, iaitu di Lot No. T-29B, Tingkat 1, Wisma PKNK, Jalan Sultan Badlishah, 05000 Alor Setar, Kedah. Perpindahan ini tidak menjejaskan operasi serta perkhidmatan yang disediakan kepada para pelabur.

### Pengeluaran Laporan-Laporan Tabung ASK Secara Elektronik

KIAM telah mendapat kelulusan pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada 15 Oktober 2021 untuk mengeluarkan Laporan Tahunan dan Laporan Interim Tabung ASK kepada semua pelabur secara elektronik.

Ini adalah selaras dengan peruntukan SC di dalam Garispanduan Mengenai Urusniaga Dan Aktiviti Dalam Talian Berkaitan Unit Amanah ("Guidelines On Online Transactions And Activities In Relation To Unit Trusts"), Bahagian 3, Perkara 7.06. Para pelabur boleh mengakses laporan-laporan Tabung ASK melalui pautan di laman web KIAM, iaitu di www.kiam.com.my. Pihak KIAM telah memuat turun laporan-laporan Tabung ASK di laman web tersebut untuk rujukan para pelabur.

### Kemudahan Potongan Gaji Melalui ANGKASA bagi Pembelian Unit Tabung ASK

KIAM menyediakan kemudahan potongan gaji bulanan melalui Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) untuk memudahkan pelabur membuat pelaburan dalam Tabung ASK. Kemudahan ini terbuka kepada pelabur yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh ANGKASA. Untuk maklumat lanjut, pelabur boleh menghubungi KIAM.

Jika pelabur masih ingin mendapatkan laporan-laporan Tabung ASK yang bercetak, ianya boleh didapati di pejabat KIAM atau membuat permohonan dengan mengisi borang di bawah:

Nama Pelabur: _____

No. KP: _____

Alamat surat menyurat (jika ada perubahan):

_____

_____

_____

Nombor telefon : _____

Alamat e-mel (jika ada) : _____

Maklumat bank

Nama bank : _____

Nombor Akaun: _____

☐ Saya ingin mendapatkan laporan-laporan Tabung ASK secara bercetak dan melalui pos.

***(tanda ✓jika perlu)***

_____
Tandatangan

_____
Tarikh

Para pelabur boleh mengisi dan mengembalikan secara pos, faks atau email kepada kami borang di atas ke:

KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD
Lot T-29B, Tingkat 1
Wisma PKNK, Jalan Sultan Badlishah
05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Email: ask@kiam.com.my


Telefon: 04-7300323
Faks: 04-7300320

# LAPORAN PENGURUS

**Pencapaian Objektif Dan Analisa Prestasi Berbanding Tanda Aras**


Bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2026, Nilai Aset Bersih (NAB) seunit Tabung ASK naik 19.66% kepada RM0.3798 di penutup urusniaga pada 31 Ogos 2026 daripada RM0.3174 di pembukaan urusniaga pada 1 Mac 2026. Prestasi ini menunjukkan sedikit peningkatan berbanding Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah (selepas ini dirujuk sebagai "FBMSHA") yang naik 2.74% dalam tempoh yang sama.

Perubahan Nilai Aset Bersih Seunit Tabung ASK Berbanding
Tanda Aras FBMSHA Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2026




Bagi prestasi 5 tahun yang lepas, iaitu dari 1 September 2021 hingga 31 Ogos 2026, Tabung ASK naik sebanyak 38.82% berbanding penurunan FBMSHA sebanyak 1.56%, selepas diselaras dengan pengagihan-pengagihan pendapatan.

Perubahan Nilai Aset Bersih Seunit Tabung ASK Berbanding
Tanda Aras FBMSHA Untuk 5 Tahun Yang Lepas




Objektif pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah tetap dipelihara. Majlis Penyeliaan Syariah KIAM di dalam laporannya (*rujuk mukasurat 11)* telah mengesahkan bahawa Tabung ASK telah diurus dan ditadbir mengikut prinsip-prinsip Syariah dan mematuhi garispanduan, peraturan dan keputusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung hal ehwal Syariah.

**Strategi dan Polisi Pelaburan Digunapakai Untuk Mencapai Keputusan Prestasi**

Strategi dan polisi pelaburan yang digunapakai untuk mencapai prestasi yang dicatatkan bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2026 terbahagi kepada tiga; (a) peruntukan aset strategik ("strategic asset allocation"), (b) peruntukan sektor strategik ("strategic sector allocation") dan (c) pemilihan saham strategik ("strategic stock selection").

**Peruntukan aset strategik**

Bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2026, peruntukan ekuiti dikekalkan melebihi 70% dan tidak melebihi 95%, seperti keperluan yang dinyatakan di dalam prospektus.

Strategi terkini, pemilihan Pengurus masih di dalam sektor kesihatan bagi jangka masa yang pendek ini. Pengurus akan menilai dan beralih kepada tematik selektif seperti sektor runcit, sektor pelancongan, sektor komoditi, sektor minyak mentah dan sektor perbankan. Untuk jangka masa panjang, Pengurus menumpukan kepada sektor teknologi selaras dengan teknologi terkini seperti 5G.

**Peruntukan sektor strategik**

Pendekatan secara pro-aktif juga diambil di dalam peruntukan sektor strategik yang dibuat berdasarkan kepada unjuran prestasi sektor-sektor di dalam ekonomi yang dijangka lebih cemerlang.

**Pemilihan saham strategik**

Proses penyelidikan kami menghendaki kami mempunyai pemahaman yang kukuh mengenai syarikat, amalan perniagaannya, reputasi dan perlakuan hak pemegang saham.

Pasukan penyelidik berusaha untuk melakukan wawancara dengan individu di pelbagai peringkat pengurusan, pembekal, pelanggan dan pesaingnya. Kami juga mencari maklumat yang relevan melalui artikel berita dan Bloomberg.

Bagi pelaburan ekuiti, Pengurus akan mengenalpasti sama ada pelaburan di dalam sesebuah syarikat tersenarai itu dibuat atas dasar pelaburan asas ("core"), pelaburan untuk dividen ("dividend/yield"), pelaburan untuk pertumbuhan modal ("growth") atau pelaburan berasaskan nilai ("value").

Manakala bagi pelaburan di dalam pasaran wang pula, Pengurus Tabung ASK membuat pelaburan bagi tempoh jangkamasa pendek dan sederhana. Pelaburan telah dibuat di dalam instrumen-instrumen seperti *Term Deposit-i Tawarruq-Special (TDT-i Special), Al-Wadiah, Corporate Commodity Murabahah Deposit (CCMD) dan Commodity Murabahah Deposit-i (CMD-i).*

**Ulasan Pasaran Saham**

Indeks FBM Emas Shariah (FBMSHA) mencatatkan kenaikan sebanyak 2.74% sepanjang tempoh enam bulan (Mac 2026 – Ogos 2026). Komposit Syariah ini ditutup pada 12,552.09 mata di penghujung Ogos, berbanding 12,217.56 mata pada awal Mac.

Faktor-faktor yang telah mempengaruhi naik turun pasaran ekuiti tempatan sepanjang tempoh Mac 2026 hingga Ogos 2026 ialah:

**Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK):** Ekonomi Malaysia terus mempamerkan daya tahan pada separuh pertama (H1) tahun 2026, didorong oleh pemulihan kukuh dalam sektor berorientasikan eksport, terutamanya teknologi dan perladangan. Walaupun berdepan dengan cabaran kelemahan nilai mata wang tempatan, aktiviti pelaburan domestik dan perbelanjaan kerajaan dalam projek infrastruktur terus memberikan sokongan kepada angka pertumbuhan. KDNK terus mengekalkan trajektori yang sihat, seiring dengan peralihan negara ke arah rantaian nilai bernilai tinggi dalam sektor semikonduktor serta sumbangan mantap daripada harga komoditi utama (seperti minyak sawit dan minyak mentah) yang menggalakkan aliran pendapatan eksport yang lebih baik.

**Kadar Dasar Semalaman (OPR):** Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengekalkan kadar OPR pada 2.75% sepanjang tempoh Mac hingga Ogos 2026. Keputusan ini mencerminkan pendirian dasar monetari yang mengimbangi keperluan menyokong pertumbuhan ekonomi domestik di tengah-tengah tekanan luaran yang meningkat, terutamanya penyusutan nilai Ringgit. Pengekalan kadar OPR pada 2.75% dianggap memadai untuk meredakan sedikit tekanan import inflasi sambil terus menyokong kapasiti pembiayaan korporat. Kestabilan kadar ini juga memastikan sistem perbankan Islam terus mempunyai tahap kecairan yang sihat untuk memacu aktiviti pelaburan di pasaran modal.

**Kadar Faedah Amerika Syarikat:** Selepas siri pemotongan pada akhir 2025, Rizab Persekutuan (Fed) mengambil pendirian yang lebih berhati-hati (tunggu-dan-lihat) dan bertindak menangguhkan pemotongan kadar selanjutnya sepanjang tempoh awal hingga pertengahan 2026. Naratif "*higher for longer*" kembali menyelubungi pasaran memandangkan data inflasi AS didapati lebih sukar untuk diturunkan (sticky inflation) berbanding jangkaan asal. Kelewatan dalam kelonggaran dasar monetari AS ini telah menyebabkan aliran modal keluar dari pasaran pesat membangun (developing), menguatkan semula nilai dolar AS secara global, dan meletakkan tekanan ke atas pasaran aset serantau.

**Inflasi:** Kadar inflasi negara mempamerkan trajektori yang stabil dengan sedikit peningkatan pada awal suku kedua sebelum mula menyederhana menjelang pertengahan tahun 2026. Daripada 1.7% pada bulan Mac, kadar inflasi mencatatkan peningkatan terkawal sehingga memuncak pada 2.0% pada bulan Mei, sebelum ia merekodkan penurunan berturut-turut kepada 1.9% pada bulan Jun dan menyederhana kepada 1.8% pada bulan Julai 2026. Bacaan terkini ini merupakan paras terendah yang direkodkan sejak Mac, membolehkan inflasi kekal selesa di dalam julat sasaran Bank Negara Malaysia (BNM) iaitu antara 1.5% hingga 2.5%.

Inflasi teras, yang mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan dengan mengecualikan komponen yang tidak menentu seperti bahan api, turut mencatatkan penyederhanaan apabila menurun kepada 1.8% pada bulan Julai daripada 1.9% pada bulan sebelumnya. Secara keseluruhan, persekitaran inflasi sepanjang tempoh kajian kekal terurus, menandakan bahawa tekanan harga berada dalam keadaan seimbang dan tidak menjejaskan daya beli pengguna tempatan secara ketara.

**Pergerakan Mata Wang Ringgit:** Berbeza dengan prestasi cemerlang sebelum ini, Ringgit Malaysia mengalami tekanan penyusutan nilai secara menyeluruh sepanjang Mac hingga Ogos 2026. Berbanding dolar AS, Ringgit menyusut sebanyak 3.40%, di mana kadar pertukaran melemah daripada RM3.89 pada awal Mac 2026 kepada RM4.02 pada 31 Ogos 2026. Kelemahan ini dipengaruhi secara langsung oleh kekuatan semula dolar AS kesan daripada pendirian Fed yang mengekalkan kadar faedah yang tinggi lebih lama daripada jangkaan, serta sentimen penghindaran risiko (risk-off) pasaran antarabangsa yang beralih ke mata wang selamat.

**Keputusan Korporat:** Sektor-sektor yang mencatatkan lonjakan paling cemerlang antara Mac hingga Ogos 2026 diterajui oleh sektor teknologi (34.11%), perladangan (12.58%), dan produk perindustrian (10.79%). Prestasi luar biasa sektor teknologi dipacu oleh gelombang pelaburan baharu dalam kecerdasan buatan (AI) serta pengembangan pusat data berteknologi tinggi di rantau ini. Sektor perladangan pula bertindak sebagai penerima manfaat utama kepada lonjakan ketara harga komoditi sawit.

Sebaliknya, sektor-sektor yang tertumpu kepada perbelanjaan pengguna akhir menghadapi cabaran. Sektor produk & perkhidmatan pengguna merosot sebanyak 10.78%, disusuli oleh sektor REITs (-9.78%) dan telekomunikasi (-8.83%). Penurunan sektor-sektor ini dipengaruhi oleh perubahan corak perbelanjaan pengguna kesan daripada peningkatan inflasi makanan serta kelemahan sentimen pengguna secara umum.

**Minyak Mentah & Komoditi:** Harga minyak mentah Brent melonjak dengan mendadak sebanyak 24.85%, meningkat daripada USD72.48 setong pada Mac 2026 kepada USD90.49 pada akhir Ogos 2026. Kenaikan ini didorong oleh ketegangan geopolitik yang berterusan serta penyusutan bekalan dalam pasaran tenaga global. Harga Minyak Sawit Mentah (CPO) turut mencatatkan lonjakan positif yang amat kukuh sebanyak 21.08%, bergerak dari RM4,042.00 kepada RM4,894.00 semetrik tan. Momentum harga ini disokong oleh sentimen pasaran terhadap risiko peningkatan fenomena El Niño yang dijangka memberi ancaman kepada pengeluaran hasil di Asia Tenggara.

Prospek permintaan pula bertambah baik disokong oleh import dari India menjelang musim perayaan. Walaupun eksport tempatan sedikit lemah pada bulan Ogos, jangkaan penurunan pengeluaran di Indonesia (sebanyak 2.9% pada 2027) dan kekangan bekalan global terus menjadi pemangkin utama yang menyokong harga CPO. Sebaliknya, pasaran emas (Gold) berdepan fasa pembetulan harga, mencatatkan penurunan sebanyak 15.94% dari kemuncaknya (USD5,278.93 kepada USD4,437.38) berikutan pelabur beralih arah (profit-taking) memandangkan kekuatan kembali dolar AS dan pasaran ekuiti teknologi.

**Ulasan Pasaran Wang:** Bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2026, pasaran wang mengekalkan kestabilan utuh di mana kadar keuntungan berlegar selaras dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) 2.75%. Kadar semalaman antara bank kekal dalam julat 2.70% hingga 2.80%, manakala kadar antara bank 3-bulan kekal dalam lingkungan 2.95% hingga 3.15%. Kecairan dana kekal teguh, membuktikan kestabilan teras sistem perbankan Islam Malaysia dalam mendepani volatiliti nilai tukaran mata wang, pada masa sama terus membekalkan ruang pembiayaan korporat yang kukuh.

**Komisyen Ringan**

Pihak Pengurus menerima komisyen ringan daripada syarikat-syarikat broker saham dalam bentuk bahan-bahan penyelidikan dan kajian (*"brokers' reports"*) yang dibenarkan di bawah Garispanduan Tabung Unit Amanah melalui faksimili atau e-mel bagi tujuan memperolehi maklumat semasa pasaran dan perkembangan terbaru syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Lebihan muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

# LAPORAN TABUNG AMANAH SAHAM KEDAH

## Komposisi Portfolio

| Pegangan Ekuiti Mengikut Sektor Pada 31 Ogos * | 2026 (%) | 2025 (%) | 2024 (%) |
|---|---|---|---|
| Barangan Pengguna | 1.98 | 6.24 | 5.65 |
| Barangan Industri | 35.94 | 35.57 | 29.48 |
| Pembinaan | 2.64 | 11.01 | 6.60 |
| Perkhidmatan/Dagangan | - | 3.29 | 14.41 |
| Utiliti | 1.75 | - | - |
| Perladangan | - | - | - |
| Teknologi | 17.12 | 15.69 | 19.37 |
| Telekomunikasi | 0.03 | 0.67 | 1.36 |
| REITS | - | 3.69 | 3.07 |
| Kewangan | 1.30 | 4.34 | 3.09 |
| Tenaga | 3.72 | 3.10 | 8.34 |
| Jumlah | **64.49** | **83.59** | **91.37** |
| **Pelaburan Mengikut Kategori Pada 31 Ogos *** | **2026 (%)** | **2025 (%)** | **2024 (%)** |
| Ekuiti | 64.49 | 83.59 | 91.37 |
| Pasaran Wang | 28.82 | 14.65 | 8.03 |
| Aset Bersih Lain | 6.69 | 1.76 | 0.60 |
| Jumlah | **100.00** | **100.00** | **100.00** |

(*) Tabung ASK hanya melabur di pasaran saham dan pasaran wang tempatan.
(**) Peratusan dikira berdasarkan NAB di akhir tempoh.

## Pergerakan Nilai Modal

| Pergerakan Nilai Modal | | Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2026 | 2025 | 2024 |
| Nilai Aset Bersih (NAB) | RM | 32,308,028 | 25,471,385 | 27,049,362 |
| Unit Dalam Edaran | Unit | 85,070,000 | 87,500,000 | 90,700,000 |
| NAB Seunit | RM | 0.3798 | 0.2911 | 0.2982 |
| NAB Seunit Tertinggi | RM | 0.3862 | 0.2925 | 0.3360 |
| NAB Seunit Terendah | RM | 0.2946 | 0.2338 | 0.2684 |
| Jumlah Pulangan | % | 19.66 | 4.11 | 9.79 |
| Perkembangan Modal | % | 19.66 | 4.11 | 9.79 |
| Pendapatan | % | - | - | - |

*Sumber : Laporan Kewangan Belum Beraudit*

## Jumlah Pulangan

| Jumlah Pulangan Tahunan * | Bagi Tahun Kewangan Berakhir Pada 28/29 Februari | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2026 | 2025 | 2024 | 2023 | 2022 |
| Jumlah Pulangan Tahunan (%) | 19.66 | 4.11 | 9.79 | 0.32 | (6.84) |
| **Purata Jumlah Pulangan **** | **Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2026** | | | | |
| | **Setahun** | | **Tiga Tahun** | | **Lima Tahun** |
| Purata Jumlah Pulangan (%) | 30.47 | | 21.89 | | 13.88 |

(*) Diselaras semula mengikut peratusan dan tahun kewangan masing-masing berakhir pada 28/29 Februari.
(**) Diselaras semula mengikut peratusan dan tempoh masing-masing berakhir pada 31 Ogos 2026.
*Sumber : Laporan Kewangan Belum Beraudit*

## Pengagihan Pendapatan Dan Pecahan Unit

Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos untuk tahun 2024, 2025 dan 2026, tabung tidak membuat sebarang pengagihan pendapatan dan lain-lain bentuk pengagihan.

## Nisbah Perbelanjaan Pengurusan dan Dagangan Portfolio

| Nisbah | Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos | | |
|---|---|---|---|
| | 2026 | 2025 | 2024 |
| Nisbah Jumlah Perbelanjaan (NJP) - (%) | 0.87 | 0.83 | 0.79 |
| Nisbah Dagangan Portfolio (NDP) - (kali) | 0.17 | 0.28 | 0.23 |

NJP dikira berdasarkan jumlah perbelanjaan mengurus dibahagi purata nilai aset bersih secara asas harian. NDP pula dikira berdasarkan purata kos belian dan jualan pelaburan dibahagi purata nilai aset bersih secara asas harian.

NDP menurun bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2026 kepada 0.17 kali daripada 0.28 kali berikutan penurunan di dalam transaksi jualan dan belian ekuiti di samping mengambil pendekatan berhati-hati oleh Pengurus Tabung ASK. Pelaburan di dalam ekuiti berada pada tahap 64% pada akhir Ogos 2026 berbanding 84% akhir Ogos 2025.

**Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan. Harga seunit dan pembayaran pengagihan pendapatan, jika ada boleh berubah-ubah sama ada naik ataupun turun.**

Lebihan muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

## Laporan Majlis Penyeliaan Syariah KIAM

**LAPORAN MAJLIS PENYELIAAN SYARIAH KIAM KEPADA PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM KEDAH BAGI SETENGAH TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2026**

Kami telah bertindak sebagai Majlis Penyeliaan Syariah KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD. Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan bahawa prosedur dan proses yang digunapakai oleh KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD dan peruntukan Suratikatan AMANAH SAHAM KEDAH bertarikh 25 Ogos 1999 dan Suratikatan Tambahan bertarikh 27 Februari 2014 dan 7 April 2023 adalah selaras dengan Prinsip-Prinsip Syariah.

Pada pendapat kami, KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD telah mengurus dan mentadbir Tabung AMANAH SAHAM KEDAH mengikut Prinsip-Prinsip Syariah dan mematuhi Garispanduan yang ditetapkan, Peraturan atau keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung hal ehwal Syariah bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2026.

Kami juga mengesahkan bahawa portfolio pelaburan Tabung AMANAH SAHAM KEDAH terdiri daripada sekuriti yang dikelaskan sebagai patuhan Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

**DATO' SETIA JAYA DATO' PADUKA**
**SYEIKH HASBULLAH BIN HAJI ABDUL HALIM**
Pengerusi
Majlis Penyeliaan Syariah KIAM

Tarikh: 13 Oktober 2026

## Laporan Pemegang Amanah

TRUSTEE'S REPORT
TO THE UNIT HOLDERS OF AMANAH SAHAM KEDAH ("Fund")

We have acted as Trustee of the Fund for the financial period ended 31 August 2026 and we hereby confirm to the best of our knowledge, after having made all reasonable enquiries, **Kedah Islamic Asset Management Berhad** has operated and managed the Fund during the period covered by these financial statements in accordance with the following:

1. Limitations imposed on the investment powers of the management company under the deed, securities laws and the Guidelines on Unit Trust Funds;

2. Valuation and pricing is carried out in accordance with the deed; and

3. Any creation and cancellation of units are carried out in accordance with the deed and any regulatory requirement.

For and on behalf of
**CIMB Islamic Trustee Berhad**

**Tok Puan Datin Ezreen Eliza Binti Zulkiplee**
Chief Executive Officer

Kuala Lumpur, Malaysia
Date: 13 October 2026

## Kenyataan Pengurus Kepada Pemegang Unit ASK

Kami, Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Bin Haji Din dan Mohd Azad Bin Jasmi, dua daripada pengarah KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa pada pandangan syarikat pengurusan, Penyata Kewangan Tabung ASK belum beraudit yang dibentangkan di dalam Laporan Setengah Tahun ini telah disediakan mengikut peruntukan Suratikatan dan memberi gambaran yang benar dan saksama berhubung hal-ehwal Tabung ASK bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2026 mengikut Prinsip Perakaunan yang diterimapakai di Malaysia dan diubahsuai oleh Garispanduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ke atas Tabung Unit Amanah.

Untuk dan bagi pihak Pengurus
**KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD**

**PROF. EMERITUS DATO' WIRA DR. MOHD SALLEH BIN HAJI DIN**
Pengarah

**MOHD AZAD BIN JASMI**
Pengarah

Tarikh: 13 Oktober 2026

# Penyata Kewangan Tabung ASK

Penyata Kewangan Tabung ASK yang dibentang di bawah adalah **PENYATA YANG BELUM DIAUDIT** bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2026 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

## STATEMENT OF FINANCIAL POSITION
## For The Financial Period Ended 31 August 2026

| | 2026 (RM) | 2025 (RM) |
|---|---|---|
| **Assets** | | |
| Deposits with financial institutions | 9,310,320 | 3,731,583 |
| Quoted Investments | 20,835,872 | 21,292,340 |
| | 30,146,192 | 25,023,923 |
| **Other assets** | | |
| Deposits receivable | 2,027 | 542 |
| Dividends receivable | 31,628 | 2,500 |
| Tax recoverable | 168,863 | 168,863 |
| Cash at bank | 2,010,562 | 22,026 |
| Sales receivable | - | 299,640 |
| Others | 3,554 | 3,554 |
| | 2,216,634 | 497,125 |
| **Total Assets** | 32,362,826 | 25,521,048 |
| **Liabilities** | | |
| Due to Manager & SST | 44,043 | 32,133 |
| Due to Trustee & SST | 2,055 | 1,500 |
| Due to stockbrokers | - | - |
| Other payables and accruals | 8,700 | 16,030 |
| **Total Liabilities** | 54,798 | 49,663 |
| **Equity** | | |
| Unitholders' capital | 111,338,598 | 112,138,107 |
| Accumulated losses | (79,030,570) | (86,666,722) |
| **Net Asset Value ("NAV") Attributable to Unitholders** | 32,308,028 | 25,471,385 |
| **Total Equity and Liabilities** | 32,362,826 | 25,521,048 |
| **Units in circulation** | 85,070,000 | 87,500,000 |
| **Net Asset Value ("NAV") per unit** | 0.3798 | 0.2911 |

## STATEMENT OF COMPREHENSIVE INCOME
## For The Financial Period Ended 31 August 2026

| | 2026 RM | 2025 RM |
|---|---|---|
| **Income** | | |
| Gross dividend income | 217,123 | 270,662 |
| Income from deposits in financial institutions | 112,568 | 37,308 |
| Other income | 603 | 59 |
| Net gain from investments: | | |
| - Financial assets at fair value through profit and loss ("FVTPL") | - | - |
| - Net realised gain / (loss) on sale of investments | 1,070,394 | (681,251) |
| | 1,400,688 | (373,222) |
| **Expenses** | | |
| Manager's fee & SST | 237,772 | 182,968 |
| Trustee's fee & SST | 11,096 | 8,586 |
| Auditor's remuneration | - | - |
| Bank & custodian charges | 1,399 | 1,097 |
| Administrative expenses | 2,299 | 7,000 |
| | 252,566 | 199,651 |
| **Net income / (loss) before tax** | 1,148,122 | (572,873) |
| Income tax expense | - | - |
| **Net income / (loss) after tax** | 1,148,122 | (572,873) |
| Net income after tax is made up by the following: | | |
| Net realised income / (loss) | 1,148,122 | (572,873) |
| Net unrealised income / (loss) | - | - |

## STATEMENT OF CHANGES IN EQUITY
## For The Financial Period Ended 31 August 2026

| | Unitholders' capital | Retained earnings | Total equity |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| As at 1 March 2025 | 112,491,017 | (87,659,190) | 24,831,827 |
| Total comprehensive gain for period | - | (572,873) | (572,873) |
| Unrealised changes in fair value | - | 1,565,341 | 1,565,341 |
| Creation of units | - | - | - |
| Cancellation of units | (353,325) | - | (353,325) |
| Distribution equalisation | 415 | - | 415 |
| Balance as at 31 August 2025 | 112,138,107 | (86,666,722) | 25,471,385 |
| As at 1 March 2026 | 111,658,273 | (84,366,106) | 27,292,167 |
| Total comprehensive gain for period | - | 1,148,122 | 1,148,122 |
| Unrealised changes in fair value | - | 4,187,414 | 4,187,414 |
| Creation of units | - | - | - |
| Cancellation of units | (319,614) | - | (319,614) |
| Distribution equalisation | (61) | - | (61) |
| Balance as at 31 August 2026 | 111,338,598 | (79,030,570) | 32,308,028 |

## STATEMENT OF CASH FLOWS
## For The Financial Period Ended 31 August 2026

| | 2026 RM | 2025 RM |
|---|---|---|
| **Cash flows from operating and investing activities** | | |
| Proceeds from sale of investments | 8,941,059 | 7,515,345 |
| Acquisition of investments | (819,019) | (5,884,902) |
| Net dividends received | 217,955 | 273,776 |
| Income received from deposits | 90,792 | 37,786 |
| Subscription of rights / IPO refund | - | 1,290,000 |
| Other income received | 603 | 59 |
| Tax refund | - | - |
| Manager's fee paid | (228,138) | (181,953) |
| Trustee's fee paid | (12,461) | (8,491) |
| Professional fee – auditor / tax agent | (20,299) | (20,130) |
| Payment for other fees and expenses | (1,400) | (937) |
| Others | (128,000) | (2,250,000) |
| Net cash used in operating and investing activities | 8,041,093 | 770,553 |
| **Cash flows from financing activities** | | |
| Cash paid on units cancelled | (319,675) | (352,910) |
| Cash received on units created | - | - |
| Grant received from Kedah State Government | - | - |
| Dividend to Unitholders | - | - |
| Net cash generated from financing activities | (319,675) | (352,910) |
| Net decrease in cash and cash equivalents | 7,721,418 | 417,643 |
| Cash and cash equivalents at 1 March 2026 | 3,599,463 | 3,335,966 |
| Cash and cash equivalents at 31 August 2026 | 11,320,882 | 3,753,609 |
| **Cash and cash equivalents comprise:** | | |
| Cash at banks | 2,010,562 | 22,026 |
| Deposits with financial institutions | 9,310,320 | 3,731,583 |
| | 11,320,882 | 3,753,609 |

## NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENT
## For The Financial Period Ended 31 August 2026

### 1. Basis Of Preparation

The financial statements of the Fund have been prepared in accordance with Financial Reporting Standards ("FRS") and the Securities Commission's Guidelines on Unit Trust Funds in Malaysia.

The financial statements have been prepared on the historical cost basis and are presented in Ringgit Malaysia ("RM").

### 2. Manager's Fee

The Manager's fee is computed on a daily basis at 1.50% per annum of the NAV of the Fund before deducting the Manager's and Trustee's fees for that particular day.

### 3. Trustee's Fee

The Trustee's fee is computed on a daily basis at 0.07% per annum of the NAV of the Fund, before deducting the Manager's and Trustee's fee for that particular day.

**4. Unitholders' Capital 2026 :**

| | No. of units | RM |
|---|---|---|
| As at 1 March 2026 | 85,980,000 | 111,658,273 |
| Creation of units | - | - |
| Cancellation of units | (910,000) | (319,614) |
| | 85,070,000 | 111,338,659 |
| Distribution equalisation | - | (61) |
| As at 31 August 2026 | 85,070,000 | 111,338,598 |

Amanah Saham Kedah has an approved combined fund size of 200,000,000 units.

**5. Units Held By Related Parties**

| | 31 Aug 2026 | 31 Aug 2025 |
|---|---|---|
| Kedah Islamic Asset Management Berhad (The Manager) | 98,231 | 62,278 |
| Directors of the Manager | 75,745 | 75,745 |
| Other related parties | 16,191,321 | 16,191,321 |
| **Total** | **16,365,297** | **16,329,344** |

All units are held legally, not beneficially.

**6. Transactions with Stockbroking Companies**

Details of transactions with stockbroking companies for the financial period ended 31 August 2026 are as follows:

| Stockbroking Companies | Value of Trade RM | % of total Trade (%) | Brokerage Fees RM | % of total Brokerage Fees (%) |
|---|---|---|---|---|
| Affin Hwang Investment Bank Bhd | - | - | - | - |
| BIMB Securities Sdn Bhd | 224,015 | 2.59 | 450 | 2.61 |
| Maybank Investment Bank Bhd | 152,893 | 1.77 | 307 | 1.78 |
| RHB Investment Bank Bhd | 1,616,257 | 18.71 | 3,642 | 21.13 |
| Public Investment Bank Bhd | 3,830,738 | 44.36 | 7,517 | 43.62 |
| MIDF Amanah Investment Bank Bhd | - | - | - | - |
| CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd | 239,207 | 2.77 | 480 | 2.79 |
| Hong Leong Investment Bank Bhd | 2,573,390 | 29.80 | 4,837 | 28.07 |
| **Total** | **8,636,500** | **100.00** | **17,233** | **100.00** |

All stockbroking companies listed above are non-related parties with the Manager Company.

**7. Financial Assets at FVTPL - as at 31 August 2026**

| | 2026 (RM) | 2025 (RM) |
|---|---|---|
| Financial assets held for trading: | | |
| Quoted equities | 20,835,872 | 21,292,340 |
| Net gain / (loss) on financial assets at FVTPL comprised: | | |
| Realised gain / (loss) on disposals | 1,070,394 | (681,251) |
| Unrealised changes in fair values | - | - |
| | 21,906,266 | 20,611,089 |

Financials assets held for trading as at 31 August 2026 are as detailed below:

| Name of Counter | Quantity | Cost | Fair value | % of |
|---|---|---|---|---|
| **Quoted Equities** | **Units** | **RM** | **RM** | **NAV** |
| **Industrial Products** | | | | |
| Aurelius Technologies Bhd | 869,700 | 804,213 | 700,109 | 2.17 |
| Aurelius Technologies Bhd-Warrant Bonus | 89,900 | - | 12,137 | 0.04 |
| Aquawalk Group Bhd | 2,200,000 | 820,788 | 352,000 | 1.09 |
| CBH Engineering Holding Bhd | 700,000 | 236,678 | 630,000 | 1.95 |
| Coraza Integrated Technology Bhd | 1,100,000 | 561,266 | 1,276,000 | 3.95 |
| CPE Technology Bhd | 1,050,000 | 1,123,500 | 1,270,500 | 3.93 |
| Destini Bhd | 1,460,100 | 531,459 | 372, 326 | 1.15 |
| EG Industries Bhd | 915,200 | 723,136 | 1,793,792 | 5.55 |
| EPB Group Bhd | 515,700 | 302,707 | 105,719 | 0.33 |
| HSS Engineers Bhd | 1,061,100 | 765,809 | 551,772 | 1.71 |
| Icents Group Holdings Bhd | 2,142,100 | 514,104 | 1,478,049 | 4.57 |
| ISF Group Bhd | 1,150,000 | 556,018 | 845,250 | 2.62 |
| Malayan Cement Bhd | 60,000 | 296,924 | 389,400 | 1.21 |
| Pantech Group Holdings Bhd | 900,000 | 661,951 | 589,500 | 1.82 |
| Wentel Engineering Holdings Bhd | 1,300,000 | 320,154 | 396,500 | 1.23 |
| He Group Bhd | 1,000,000 | 498,866 | 850,000 | 2.63 |
| | **16,513,800** | **8,717,570** | **11,613,052** | **35.94** |
| **Consumer Products** | | | | |
| Able Global Bhd | 251,700 | 467,581 | 390,135 | 1.21 |
| Hong Leong Industries Bhd | 14,000 | 268,361 | 248,640 | 0.77 |
| | **265,700** | **735,942** | **638,775** | **1.98** |
| **Energy** | | | | |
| Dayang Enterprise Holdings Bhd | 289,400 | 486,259 | 410,948 | 1.27 |
| Keyfield International Bhd | 400,000 | 767,734 | 560,000 | 1.73 |
| Petra Energy Bhd | 347,700 | 331,981 | 231,221 | 0.72 |
| | **1,037,100** | **1,585,974** | **1,202,169** | **3.72** |
| **Telecommunication** | | | | |
| Redtone Digital Bhd-WB | 175,000 | - | 10,500 | 0.03 |
| | **175,000** | **-** | **10,500** | **0.03** |
| **Construction** | | | | |
| AME Elite Consortium Bhd | 200,000 | 345,135 | 270,000 | 0.84 |
| Gamuda Bhd | 50,042 | 235,633 | 225,689 | 0.70 |
| Muhibbah Engineering (M) Bhd | 760,800 | 526,523 | 357,576 | 1.11 |
| | **1,010,842** | **1,107,292** | **853,265** | **2.64** |
| **Finance** | | | | |
| Bank Islam Malaysia Bhd | 200,000 | 613,816 | 420,000 | 1.30 |
| | **200,000** | **613,816** | **420,000** | **1.30** |
| **Utilities** | | | | |
| Mega First Corporation Bhd | 75,900 | 310,786 | 212,520 | 0.66 |
| Tenaga Nasional Berhad | 25,000 | 319,210 | 353,500 | 1.09 |
| | **100,900** | **629,995** | **566,020** | **1.75** |
| **Technology** | | | | |
| Cloudpoint Technology Bhd | 785,700 | 499,561 | 373,208 | 1.16 |
| Frontken Corporation Bhd | 250,000 | 503,933 | 1,272,500 | 3.94 |
| Malaysia Pacific Industries Bhd | 18,900 | 681,329 | 785,484 | 2.43 |
| Mi Technovation Bhd | 350,000 | 769,993 | 2,145,500 | 6.64 |
| Stratus Global Holdings Bhd | 160,000 | 128,000 | 470,400 | 1.46 |
| Thmy Holdings Bhd | 250,000 | 77,500 | 485,000 | 1.50 |
| | **1,814,600** | **2,660,317** | **5,532,092** | **17.12** |
| | | | | |
| **Total Investment** | **21,117,942** | **16,050,905** | **20,835,872** | **64.49** |
| | | | | |
| **Excess of Fair Value over Cost** | **4,784,967** | | | |

**8. Total Expenses and Portfolio Turnover Ratios**

(a) Total Expenses Ratio ("TER")

The TER of the Fund is the ratio of the sum of fees and expenses incurred by the Fund to the average NAV of the Fund calculated on a daily basis. The fees and expenses include Manager's fee, Trustee's fee, auditors' remuneration, tax agent's fee and other administrative expenses. For the financial period ended 31 August 2026, the TER of the Fund stood at 0.87% (2025: 0.83%) and is calculated as follows:

$$\text{TER} = \frac{\text{Total fees and expenses}}{\text{Average NAV*}} \times 100$$

$$= \frac{\text{RM252,567}}{\text{RM29,113,928}} \times 100$$

$$= 0.87\ \%$$

(b) Portfolio Turnover Ratio ("PTR")

The PTR of the Fund is the ratio of average acquisitions and disposals of the Fund for the financial year to the average NAV of the Fund calculated on a daily basis. For the financial period ended 31 August 2026, the PTR of the Fund stood at 0.17 times (2025: 0.28).

The PTR of the Fund is calculated as follows:

$$\text{PTR} = \frac{\text{(Total Acquisitions + Total Disposals) / 2}}{\text{Average NAV*}}$$

$$= \frac{\text{(RM819,019+8,941,059) / 2}}{\text{RM29,113,928}}$$

$$= 0.17 \text{ times}$$

Note :

(*) The average NAV of the Fund for the financial period ended 31 August 2026 was RM29,113,928 (2025: RM23,997,191).

# Maklumat Korporat

**SYARIKAT PENGURUSAN**
**KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD** 199401029486 (315167-P)

**PEJABAT PERNIAGAAN**
Lot T-29B, Tingkat 1, Wisma PKNK
Jalan Sultan Badlishah
05000 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Tel : 04-7300323 Faks : 04-7300320
E-mel : ask@kiam.com.my Laman web: www.kiam.com.my

**LEMBAGA PENGARAH**
Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din
Dato' Azman Bin Aziz
Mohd Azad Bin Jasmi
Azwati Binti Ahmad (dilantik pada 5 Ogos 2026)
Mohd Irwan Bin Mihat (dilantik pada 5 Ogos 2026)
Dr. Abdul Rahman Bin A. Shukor (dilantik pada 5 Ogos 2026)

**JAWATANKUASA PELABURAN**
Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din
Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff
Mohd Azad Bin Jasmi

**MAJLIS PENYELIAAN SYARIAH**
Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah Bin Haji Abdul Halim
Dato' Wira Syeikh Yahaya Bin Haji Jusoh
Prof Dr. Md. Amin Bin Abdul Rahman
Dr. Abdul Rahman Bin A. Shukor (dilantik pada 1 Mei 2026)

**JAWATANKUASA AUDIT & PEMATUHAN**
Haji Ahmad Bin Haji Ismail
Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din (meletak jawatan pada 8 April 2026)
Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff

**PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
Mohd Azad Bin Jasmi

**WAKIL KEPADA PEMEGANG AMANAH**
CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H)
Aras 21, Menara CIMB
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

**JURUAUDIT TABUNG & AKAUNTAN MELAPOR**
Tetuan Jamal, Amin & Partners
No.62-1, Tingkat 1, Jalan 2/23A
Off Jalan Genting Klang, Taman Danau Kota, Setapak
53300 Kuala Lumpur

**PERUNDING PERCUKAIAN**
Tetuan SAAS Ten Sdn. Bhd.
1584, Tingkat 2, Jalan Sultan Badlishah
05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman

**PEGUAMBELA & PEGUAMCARA**
Tetuan Hoe & Ahmad Zaki
(Peguambela & Peguamcara)
No. 1564, Tingkat 2, Wisma Southern Bank
Jalan Kota, 05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Tetuan Abdul Halim Said & Co.
Suite 25-29, Tingkat Dua
Bangunan Lembaga Padi
Jalan Tunku Ibrahim, 05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman

**PENGURUS DANA LUAR**
KAF Investment Funds Berhad
Level 13, Menara IQ Lingkaran TRX Tun Razak Exchange
55188 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan

**BANK-BANK**
CIMB Islamic Bank Berhad
1583, Bangunan UMNO
Jalan Tunku Ibrahim
05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman

KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD 199401029486 (315167-P)
PENGURUSAN PORTFOLIO | PENGURUSAN AMANAH SAHAM

Lot No. T-28B, Level 1, Wisma PKNK
Jalan Sultan Badlishah
05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman

KIAM
KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT